



INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA

## IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL *SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME* (MySTEP) TAHUN 2024

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri ingin mempelawa **warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi **SEGERA** kekosongan **Personel MySTEP** bagi jawatan seperti berikut:

### A. MAKLUMAT JAWATAN PERSONEL MySTEP

|                         |                                                                                                                              |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| BILANGAN<br>PENGAMBILAN | : EMPAT (4) JAWATAN                                                                                                          |
| KADAR UPAH              | : RM2,100.00 / SEBULAN                                                                                                       |
| TEMPOH                  | : JANUARI 2024 – DISEMBER 2024<br>(Penyambungan kontrak akan dipertimbangkan berdasarkan kepada peraturan yang berkuatkuasa) |
| PENEMPATAN              | : INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR<br>NEGERI, KUALA LUMPUR                                                               |
| KEMUDAHAN               | : CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP DAN<br>CARUMAN PERKESO                                                                |

### B. SYARAT LANTIKAN

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari lapan belas (18) tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
4. Syarat Bahasa Melayu – memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **C. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat dan pengurusan majlis rasmi serta berkebolehan dalam membuat penyelidikan dan kajian berhubung hal ehwal hubungan antarabangsa.

### **D. CARA MEMOHON**

Calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan ke alamat e-mel **[vacancy@idfr.gov.my](mailto:vacancy@idfr.gov.my)** dengan mengemukakan dokumen berikut seperti dibawah:

1. **Resume** lengkap berserta gambar berukuran pasport;
2. **Salinan kad pengenalan;**
3. **Salinan sijil kelahiran;**
4. **Salinan sijil berhenti sekolah;**
5. **Salinan sijil kelulusan akademik;**
6. **Salinan transkrip akademik; dan**
7. **Salinan sijil lain yang berkaitan.**

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan seperti berikut:

- |                                      |                                                                                  |
|--------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Encik Amiruddin bin Zaidi         | : 03-2149 1023<br><a href="mailto:amiruddin@kln.gov.my">amiruddin@kln.gov.my</a> |
| 2. Puan Filza Syahida binti Md Jamal | : 03-2149 1066<br><a href="mailto:filza@idfr.gov.my">filza@idfr.gov.my</a>       |

### **E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**Tarikh tutup** permohonan adalah pada **22 Disember 2023 (Jumaat)**.